



ORANG KETIGA : PUNCA KEPADA PERCERAIAN

Perceraian dalam institusi keluarga sering berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Punca kehadiran orang ketiga dalam rumah tangga juga merupakan salah satu sebab kepada perceraian. Menurut Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, perbuatan mengganggu keharmonian rumah tangga orang lain sehingga menyebabkan perceraian adalah dikira sebagai satu kesalahan jenayah syariah dan boleh di dakwa di Mahkamah Syariah.

SIAPAKAH ORANG KETIGA?

Menurut undang-undang, iaitu berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah, orang ketiga dalam rumah tangga bermaksud sesiapa sahaja, sama ada seorang lelaki atau wanita menjadi sebab kepada perlakunya ketidakharmonian perkahwinan seseorang.

HUKUM

Nabi S.A.W bersabda;

لَيْسَ مِنْ أَهْلِ الْخَيْرِ (إِمْرَأَةٌ عَلَى زَوْجِهَا)

“Bukan di kalangan kami (umat nabi Muhammad) orang yang merosakkan hubungan seorang isteri dengan suaminya”.

[“HR Abu Daud: 2175 dan dinilai SAHIH oleh As-Syaikh Al-Albani dalam “Sahih wa dho’if Sunan Abi Daud”]

Sesungguhnya perbuatan mencintai isteri atau suami orang lain adalah haram dan jelaslah bahawa ianya merupakan salah satu punca kepada keruntuhan dan kehancuran rumah tangga sesebuah keluarga, dan perbuatan tersebut amat dimurkaai oleh Rasulullah SAW.

GANGGUAN ORANG KETIGA DALAM PERKSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM:

Mengenai gangguan orang ketiga terhadap rumah tangga dalam Islam, terdapat peruntukan undang-undang yang mengawal perbuatan ini. Ia merupakan satu kesalahan jenayah syariah. Terdapat sekurang-kurangnya 3 seksyen bermula dari seksyen Seksyen 32, 33 dan 34 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 yang menyebut secara jelas mengenai gangguan orang ketiga dalam rumah tangga. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang diperuntukkan di negeri-negeri, kesalahan mengganggu rumah tangga orang terbahagi kepada 3 komponen iaitu:

- memujuk lari perempuan bersuami;
- menghalang pasangan suami isteri untuk hidup bersama; dan
- menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan.

ANTARA PIHAK YANG TERLIBAT SEBAGAI ORANG KETIGA;

1. Ahli keluarga suami atau isteri;
2. Pasangan kekasih;
3. Rakan sekerja;
4. Masyarakat.

PROSEDUR MENANGANI

- i) Membuat aduan di Pejabat Agama Islam berdekatan; atau
- ii) Menghadiri khidmat Kaunseling atau rundingcara.

KESIMPULAN

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 adalah merupakan peruntukan undang-undang yang sesuai untuk menangani isu orang ketiga dalam rumah tangga. Terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan jenayah tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Seksyen 32, 33 dan 34 EJSS iaitu merujuk kepada kesalahan yang boleh menyebabkan perceraian atau kepecahbelahan dalam rumah tangga. Malah hukuman bagi kesalahan tersebut juga telah termaktub dalam enakmen ini. Namun begitu tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan peruntukan ini dan masyarakat lebih mudah mencari penyelesaian dengan memohon perceraian. Hal ini menyebabkan isu orang ketiga ini akan sentiasa berterusan kerana mereka sentiasa terselamat walaupun pada hakikatnya wujud undang-undang mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka serta terdapat hukuman penjara dan denda sekiranya mereka disabitkan bersalah.

Disediakan Oleh:

Nor Asyikin Binti Abd Rahman

Unit Buletin

Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.